



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENDEKATAN BESTARI: KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN GURU
BESTARI MENGHADAPI PERUBAHAN**

SITI SURIA SALIM

FPP 2001 17



**PENDEKATAN BESTARI : KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN GURU
BESTARI MENGHADAPI PERUBAHAN**

Oleh

SITI SURIA SALIM

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Master Sains Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Jun 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENDEKATAN BESTARI : KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN GURU
BESTARI MENGHADAPI PERUBAHAN**

Oleh

SITI SURIA SALIM

Jun 2001

Pengerusi: Profesor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kini Malaysia sedang menghadapi era perubahan dalam pendidikan yang lebih menekankan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar di samping penekanan terhadap teknologi maklumat sebagai salah satu alat pengajaran pembelajaran. Sembilan puluh buah sekolah telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan untuk menjadi Sekolah Bestari bagi memenuhi tujuan di atas. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti tahap kefahaman dan tahap kesediaan guru Bestari terhadap perubahan yang dilaksanakan oleh Program Sekolah Bestari serta kekangan dan keperluan yang dihadapi oleh mereka.

Data telah diperoleh dari empat puluh lima orang guru sekolah Bestari di Selangor melalui soal selidik. Analisis deskriptif (frekuensi, min, dan mod) dan inferensi (Korelasi Pearson dan ANOVA) digunakan bagi menganalisis data. Data diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 10. Kajian mendapati bahawa guru memahami matlamat

Sekolah Bestari ini dan bersedia untuk menghadapi pelaksanaannya walaupun pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun hanya sedikit sahaja perubahan yang dilakukan di dalam bilik darjah mereka.

Dapatan kajian menunjukkan, bagi guru Bestari, kekangan seperti peralatan pengajaran pembelajaran, kemahiran, dan sokongan merupakan faktor-faktor yang menghalang perubahan daripada berlaku. Selain daripada itu, beban tugas guru dan sistem peperiksaan pusat yang masih dilaksanakan bagi menilai pelajar-pelajar juga mempengaruhi kejayaan pelaksanaan perubahan ini. Hasil daripada kajian ini disyorkan sekiranya mana-mana pihak yang ingin melaksanakan sesuatu program perubahan dalam pendidikan, kesediaan dari segi agen perubahan dan keperluan-keperluan program hendaklah dipastikan terlebih dahulu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**SMART SCHOOL: TEACHERS' UNDERSTANDING AND READINESS IN
FACING CHANGES**

By

SITI SURIA SALIM

June 2001

Chairman : Professor Datin Sharifah Md. Nor, Ph.D.

Faculty : Faculty of Educational Studies

Presently, Malaysia is embarking on an educational change in the form of more child-centered approach to teaching and learning with emphasis on Information Technology as one of its tools of instruction and learning. Ninety schools were chosen by the Ministry of Education to become Smart School for this purpose. This research aims to identify teachers' understanding and readiness to change, and the problems they face.

The data were collected from forty-five Smart School teachers in the state of Selangor through questionnaires. Descriptive (frequency, mean, and mode) and inferential analyses (Pearson Correlation and ANOVA) were carried out. The findings suggest that, while teachers understand the goals of Smart Schools and are ready to change, but the change however is only at the moderate level. This results in little changes in their current classroom practices.



This research reveals that the constraints faced by Smart Schools teachers such as lack of teaching materials, staff competency, and staff support hindered change from taking place. Other than these factors, teachers' teaching load and the centralised public examinations system, which are still being implemented, also influence the success of change. The outcome of this research suggest that, agencies that are interested in implementing programmes of change in education need to be cognisant of the level of readiness and the need of the agents of change.

PENGHARGAAN

Terima kasih tidak terhingga terutama kepada jawatan kuasa penyeliaan yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan efisien. Tunjuk ajar dan bimbingan daripada Prof. Sharifah, Prof Azimi, Prof. Madya Dr. Aida dan Dr. Sani, banyak memberi pengajaran dan contoh tauladan untuk dijadikan bekalan dalam bidang pengajian dan alam pekerjaan saya kelak.

Tidak ketinggalan, pegawai-pegawai akademik Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah banyak memberikan kerjasama Prof Madya Dr. Ramlah, Tn. Hj Azali Mahbar, Dr. Majid Konting, Dr. Bahaman, dan Dr. Shamsudin diatas bantuan yang diberi sungguhpun kalian bukanlah sebahagian daripada anggota penyeliaan bagi tesis ini.

Tidak lupa Kak Maznah, Abang Akhir, Kak Roziah yang bayak membantu meringankan tugas saya di fakulti ini.

Kepada semua rakan-rakan, Kak Anis, Izah, Bib, Fauzi, Wong, Kak Yati... semoga jangan muak membimbing dan jangan lupakan budaya yang perlu kita amalkan.

Keluarga tersayang Mama, Ayah, Angah, Alang, Ain, Mak, Ayah, Biha, Husna...terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kerana memahami kekangan masa bersama semua.

Akhir sekali, buat suami tercinta Abdul Malek yang sentiasa setia di sisi memberi galakan dan sokongan terutama saat-saat mengharungi dugaan-dugaan perit... Syazana Hanis yang semakin keletah dan Abdul Hakim Amsyar yang baru belajar mengenali kehadiran seorang ibu.



Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau Institusi-institusi lain.

Siti Suria Salim

Tarikh: 31 Oktober 2001

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK.....	ii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	vi
PENGESAHAN.....	vii
PERAKUAN.....	viii
SENARAI JADUAL.....	vx
SENARAI RAJAH.....	xvii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar belakang kajian.....	1
1.2 Rasional Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	14
1.4.1 Objektif Umum.....	14
1.4.2 Objektif Khusus.....	15
1.5 Persoalan Kajian.....	16
1.6 Kepentingan Kajian.....	17
1.7 Batasan Kajian	19
1.8 Limitasi Kajian	19
1.8.1 Alat Kajian	20
1.8.2 Lokasi Kajian.....	20
1.8.3 Subjek Kajian.....	21
1.9 Definisi Konsep dan Operasional.....	22
1.9.1 Persepsi.....	22
1.9.2 Kefahaman.....	23
1.9.3 Kesediaan	25
1.9.4 Guru Bestari	26
1.9.5 Perubahan	27
1.9.6 Matlamat Sekolah	28
1.9.7 Pendekatan Bestari.....	29
1.9.8 Kekangan.....	33
1.9.9 Keperluan	34
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....	35
2.1 Pengenalan	35
2.2 Perubahan Dalam Pendidikan	36
2.2.1 Perubahan Dalam Pendidikan di Malaysia....	36
2.2.2 Perubahan Dalam Pendidikan di Luar Negara.....	39
2.3 Konsep dan Model-Model Perubahan Dalam Pendidikan.....	43
2.3.1 Konsep Perubahan Dalam Pendidikan	44
2.3.2 Model-model Perubahan Dalam Pendidikan .	45
2.3.3 Rumusan Konsep dan Model Perubahan Dalam Pendidikan.....	56



2.4	Sekolah Bestari: Satu Perubahan Yang Menyeluruh	59
2.4.1	Konsep Sekolah Bestari.....	61
2.4.2	Ciri-Ciri Sekolah Bestari.....	63
2.4.3	Kurikulum Sekolah Bestari.....	65
2.4.4	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Sekolah Bestari	67
2.4.5	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	69
2.4.6	Kesediaan Guru.....	83
2.4.7	Kesediaan Alatan.....	86
2.5	Kajian-kajian Tentang Sekolah Bestari	87
2.6	Kajian-Kajian Tentang Kegagalan Perubahan Akibat Daripada Aspek-Aspek Yang Perlu Ada Dalam Melaksanakan Perubahan Tidak Dipenuhi.	90
2.6.1	Kesediaan Guru Sebagai Agen Perubahan .	91
2.6.2	Kesediaan Peralatan.....	133
2.6.3	Kesediaan Sokongan.....	134
2.7	Kerangka Teori Kajian	144
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	146
3.1	Pengenalan	146
3.2	Reka Bentuk Kajian	146
3.3	Populasi Kajian.....	147
3.4	Instrumen Kajian.....	148
3.4.1	Bahagian A.....	148
3.4.2	Bahagian B.....	149
3.4.3	Bahagian C	152
3.4.4	Bahagian D	153
3.5	Keesahan Instrumen	154
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen.....	154
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	156
3.8	Kaedah Penganalisan Data	157
3.8.1	Mengenal Pasti Matlamat Yang Diutamakan Oleh Sekolah Bestari Berbanding Dengan Sekolah Biasa Dan Tahap Kesukaran Pencapaian Matlamat Sekolah Menurut Persepsi Guru Bestari.....	157
3.8.2	Mengenal Pasti Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari.....	158
3.8.3	Mengenal Pasti Tahap Kesediaan Guru Bestari Menghadapi Pelaksanaan Pendekatan Bestari	159
3.8.4	Mengenal Pasti Samada Terdapat Hubungan Antara Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari Dengan Tahap Kesediaan Mereka Menghadapi Pelaksanaan Pendekatan Bestari	160

3.8.5	Perbezaan Antara Guru Bestari Yang Berlainan Pengalaman Mengajar Dari Segi Kefahaman Mereka Terhadap Pendekatan Bestari Dan Kesediaan Menghadapi Pelaksanaan Pendekatan Bestari.....	160
3.8.6	Mengenal Pasti Tahap Penggunaan Pendekatan Bestari Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	161
3.8.7	Mengenal Pasti Perubahan Yang Telah Dilakukan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	161
3.8.8	Mengenal Pasti Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan Pendekatan Bestari Dan Keperluan Untuk Melaksanakan Pendekatan Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari	162
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	163
4.1	Pengenalan	163
4.2	Latar Belakang Responden	163
4.3	Dapatan Berkaitan Persoalan Kajian.....	166
4.3.1	Matlamat Yang Diutamakan Oleh sekolah Bestari Berbanding Dengan Sekolah Biasa Menurut Persepsi Guru Bestari.....	166
4.3.2	Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Perubahan Yang Terdapat Dalam Pendekatan Bestari.....	172
4.3.3	Tahap Kesediaan Guru Bestari Dalam Menghadapi Perubahan Dalam Pendekatan Bestari.....	177
4.3.4	Hubungan Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari Dengan Kesediaan Guru Bestari Melakukan Perubahan	184
4.3.5	Perbezaan Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari Dari Segi Pengalaman Mengajar....	185
4.3.6	Perbezaan Kesediaan Menghadapi Perubahan Dari Segi Pengalaman Mengajar	186
4.3.7	Tahap Penggunaan Pendekatan Bestari Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru Bestari	188
4.3.8	Perubahan Yang Telah Dilaksanakan Ketika Mengajar Di Sekolah Bestari Berbanding Mengajar Di Sekolah Biasa	193
4.3.9	Kekangan Dalam Melaksanakan Perubahan	



	Dalam Pendekatan Bestari.....	200
4.3.10	Keperluan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari.....	206
4.4	Rumusan	210
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI	213
5.1	Pengenalan	213
5.2	Rumusan Objektif Kajian.....	213
5.3	Rumusan Kaedah Pengumpulan Dan Pemprosesan Data	214
5.4	Rumusan Maklumat Latar belakang Responden	215
5.5	Rumusan dan Perbincangan Mengikut Objektif Kajian	216
5.5.1	Matlamat Sekolah Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari.....	217
5.5.2	Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari.....	219
5.5.3	Tahap Kesiediaan Guru Bestari Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari.....	221
5.5.4	Hubungan Antara Kefahaman Dan Kesiediaan Guru Bestari.....	223
5.5.5	Perbezaan Kefahaman Dan Kesiediaan Di Kalangan Guru-guru Yang Berbeza Dari Segi Pengalaman Mengajar	224
5.5.6	Tahap Penggunaan Pendekatan Bestari Di Sekolah Menurut Persepsi Guru Bestari.....	225
5.5.7	Kekangan Yang Dihadapi Dan Keperluan Guru-guru Bestari Sepanjang Mereka Mengendalikan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bestari.....	229
5.6	Kesimpulan Kajian.....	238
5.7	Implikasi Kajian.....	239
5.8	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	242
BIBLIOGRAFI	244
LAMPIRAN	260
BIODATA PENULIS	264



LAMPIRAN

A.	Soal Selidik Kajian.....	260
B.	Senarai Nama Sekolah-sekolah Yang terlibat.....	261
C.	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Daripada Kementerian Pendidikan	262
D.	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	263

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	155
Jadual 2	Latar Belakang Responden	164
Jadual 3	Matlamat Yang Diutamakan Oleh Sekolah Biasa Menurut Persepsi Guru Bestari	167
Jadual 4	Matlamat Yang Sukar Dicapai Oleh Sekolah Biasa Menurut Persepsi Guru Bestari.....	168
Jadual 5	Matlamat Yang Diutamakan Oleh Sekolah Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari.....	170
Jadual 6	Matlamat Yang Sukar Dicapai Oleh Sekolah Bestari Menurut Persepsi Guru Bestari.....	171
Jadual 7	Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Perubahan Yang Terdapat Dalam Pendekatan Bestari (secara keseluruhan)	173
Jadual 8	Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Perubahan Yang Terdapat Dalam Pendekatan Bestari (mengikut item)	174
Jadual 9	Tahap Kefahaman Guru Bestari Terhadap Perubahan Yang Terdapat Dalam Pendekatan Bestari (item tambahan).....	176
Jadual 10	Tahap Kesiediaan Guru Bestari Dalam Menghadapi Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (secara keseluruhan)	178
Jadual 11	Tahap Kesiediaan Guru Bestari Dalam Menghadapi Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (mengikut item)	178
Jadual 12	Hubungan Kefahaman Guru Bestari Terhadap Pendekatan Bestari Dengan Kesiediaan Guru Bestari Melaksanakan Perubahan	185

Jadual 13	Jadual ANOVA (Perbezaan Kefahaman Terhadap Pendekatan Bestari Dari Segi Pengalaman Mengajar)...	186
Jadual 14	Jadual ANOVA (Perbezaan Kesiediaan Menghadapi Perubahan Dari Segi Pengalaman Mengajar)	187
Jadual 15	Ujian Scheffe keatas kesiediaan guru dan pengalaman mengajar	187
Jadual 16	Tahap Penggunaan Pendekatan Bestari Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru Bestari (secara keseluruhan)	189
Jadual 17	Tahap Penggunaan Pendekatan Bestari Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru Bestari (mengikut item)	190
Jadual 18	Perubahan Yang Telah Dilaksanakan Ketika Mengajar Di Sekolah Bestari Berbanding Mengajar Di Sekolah Biasa (Hubungan guru dengan guru).....	194
Jadual 19	Perubahan Yang Telah Dilaksanakan Ketika Mengajar Di Sekolah Bestari Berbanding Mengajar Di Sekolah Biasa (Hubungan guru dengan pelajar)	197
Jadual 20	Perubahan Yang Telah Dilaksanakan Ketika Mengajar Di Sekolah Bestari Berbanding Mengajar Di Sekolah Biasa (Hubungan guru dengan ibu bapa).....	199
Jadual 21	Kekangan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Latihan)	201
Jadual 22	Kekangan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Alatan)	203
Jadual 23	Kekangan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Sokongan).....	204
Jadual 24	Keperluan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Latihan)	206



Jadual 25	Keperluan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Alatan)	208
Jadual 26	Keperluan Dalam Melaksanakan Perubahan Dalam Pendekatan Bestari (Sokongan)	209



SENARAI RAJAH

Rajah 1:	Model Perubahan Dalam Pendidikan Secara Keseluruhan.....	48
Rajah 2:	Model Perubahan Dalam Pendidikan, 'Dari Pengetahuan Hingga Tindakan'.....	52
Rajah 3:	Model Perubahan Dalam Pendidikan, Faktor Yang Menyebabkan Perubahan Tidak Berlaku.	55
Rajah 4:	Gabungan Model-model Perubahan Dalam Pendidikan	58
Rajah 5:	Sistem Sekolah Bestari	62
Rajah 6:	Ciri-Ciri Sekolah Bestari	64
Rajah 7:	Perancangan Kurikulum Sekolah Bestari.....	66
Rajah 8:	Cadangan Pilihan Peranan Guru Dan Pelajar Di Sekolah Bestari.....	69
Rajah 9:	Teori Kepelbagaian Kecerdasan "Multiple Intelligences"	74
Rajah 10:	Model Pembentukan Budaya	110
Rajah 11:	Model Ekspektasi Guru Dalam Sekolah.....	123
Rajah 12:	Kerangka Teori Kajian.....	145
Rajah 13:	Formula Penentuan Skala.....	158

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perubahan merupakan satu fenomena lumrah dalam setiap perkara. Senge (1990) menyatakan, apa yang berlaku di sekolah adalah apa yang berlaku kepada kebanyakan organisasi yang terdapat dalam masyarakat. Menurut Ballantine (1997), dalam konteks sains sosial, perubahan secara umumnya boleh dibahagikan kepada empat peringkat. i) Peringkat individu iaitu individu yang memainkan peranan dalam program perubahan itu. ii) Peringkat organisasi iaitu perubahan fizikal dan peranan di dalam sekolah. iii) Peringkat institusi iaitu perkara yang melibatkan polisi; dan iv) peringkat budaya iaitu menyentuh tentang attitud dan nilai. Bidang pendidikan di seluruh dunia dan khususnya di negara ini juga tidak terkecuali dengan perubahan ini.

Di negara ini, setiap rancangan Malaysia mempunyai tema tersendiri. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000), Kementerian Pendidikan menjadikan teknologi maklumat sebagai keutamaan dalam pendidikan terutama di peringkat sekolah. Program literasi komputer serta pengajaran dan pembelajaran berbantu komputer diperluaskan ke semua sekolah dan institusi latihan. Penggunaan komputer di institusi pendidikan dan latihan dijangka akan mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran serta membantu mengurangkan masalah kekurangan guru terlatih dan pengajar

dalam berbagai mata pelajaran. Pada 1997, satu sistem persekolahan yang cuba mengaplikasikan sistem teknologi maklumat dilancarkan. Sekolah itu dinamakan 'Sekolah Bestari' mengambil konsep '*Smart School*' di Amerika Syarikat.

Perlaksanaan projek sekolah Bestari adalah berdasarkan lima konsep keperluan bagi menggalakkan pelbagai organisasi turut serta terutamanya dalam menawarkan bentuk-bentuk penyelesaian kepada lima bidang yang utama iaitu bahan pengajaran-pembelajaran, sistem penilaian, sistem pengurusan, infrastruktur teknologi dan pengintegrasian sistem (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Dalam bidang bahan pengajaran dan pembelajaran, perkara yang difokuskan ialah bahan-bahan bagi empat subjek dalam kurikulum pendidikan Sekolah Bestari iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang digunakan di dalam bilik darjah selaras dengan amalan pedagogi yang telah digariskan dalam perancangannya. Bahan-bahan tersebut akan memiliki sistem penilaiannya yang tersendiri dan ia digunakan untuk membantu proses pembelajaran dengan cara yang tersendiri dan bersesuaian dengan tahap dan gaya pembelajaran seseorang pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Bagi sistem penilaian pula, sistem sekolah Bestari melibatkan proses penilaian secara menyeluruh dan berdasarkan kepada pangkalan data seumur hidup yang mana ia akan menilai dan merekodkan setiap kemajuan

yang dicapai oleh para pelajar. Bidang ini juga akan memberikan garis panduan terperinci tentang aspek latihan pelajar dan sijil penilaiannya. Bidang ketiga adalah dari segi sistem pengurusan sekolah Bestari yang menggariskan beberapa keperluan dalam proses pentadbiran sekolah yang akan menggunakan kemudahan berautomasi. Pengurusan atau pentadbiran ini melibatkan sistem pengajaran dan pembelajaran, sistem penilaian, pangkalan data dan hubungan dengan pihak Kementerian Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Infrastruktur berteknologi pula merupakan bidang yang melibatkan kemudahan berteknologi seperti perkakasan dan rangkaian kawasan setempat (*Local Area Network (LAN)*) yang akan digunakan oleh 79 buah sekolah daripada 90 buah Sekolah Bestari. Kemudahan berteknologi ini digunakan untuk menyokong sistem pengajaran pembelajaran dan piawaian bagi sistem infrastruktur tersebut akan ditentukan bagi memastikan keupayaan pengoperasiannya. Bagi bidang pengintegrasian sistem, bidang ini memfokuskan tanggungjawab pengintegrasian sistem (*system integration*) dalam membentuk dan melaksanakan keseluruhan sistem sekolah Bestari. Pengintegrasian sistem ini juga akan memastikan reka bentuk terperinci, pemasangan, pengujian dan penerimaan bagi setiap aplikasi pecahan sekolah Bestari iaitu pengajaran pembelajaran, sistem pengurusan sekolah, sistem penilaian dan infrastruktur berteknologi. Bagi menjalankan kelima-lima konsep keperluan di atas, antara kemudahan yang dititik beratkan di sekolah Bestari ialah penggunaan pelbagai kemudahan berteknologi canggih di

dalam proses pendidikan di sekolah-sekolah yang merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997).

Persekolahan Bestari ini nampaknya tidak sekadar berteraskan kepada kemampuan menyediakan prasarana fizikalnya sahaja, iaitu keunggulan teknologi serta kewujudan perkakasan yang mampu menyokongnya tetapi juga melibatkan prasarana bukan fizikal iaitu ciri kemanusiaannya. Kejayaan inisiatif pelaksanaan pendekatan Bestari ini bergantung kepada sejauh mana sifat bestari gurunya, kurikulum, bahan kandungan, dan sokongan dari pelbagai pihak; pencerna teknologi, penyedia dasar pendidikan, pihak-pihak yang terbabit dengan sistem pendidikan negara secara langsung mahupun secara tidak langsung, institusi keguruan, para ibu bapa serta masyarakat sekeliling mempunyai peranan mereka tersendiri.

Dari sudut pendidikan, terdapat banyak faktor yang memberikan sumbangan bagi menjayakan sesuatu program perubahan (Fullan, 1982). Diantara faktor utama ialah guru itu sendiri. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kekuatan sistem pendidikan itu sendiri bergantung kepada guru dan kualiti pendidikan atau latihan yang diterimanya (Miles dan Louise, 1990). Snyder (1992) ada menyatakan betapa besarnya peranan guru. Menurut beliau, guru yang merupakan barisan hadapan dalam melaksanakan sesuatu perancangan hendaklah mempunyai perspektif yang jelas terhadap program perubahan. Konsep 'aku punya' ditukar kepada 'kita punya', budaya kerja tradisional dipecahkan dan berubah kepada mempunyai sikap terbuka dan sanggup menerima dugaan daripada mana-mana pihak. Guru bukan hanya

bersedia dan beminat untuk terlibat dalam program perubahan tetapi juga menjadi ketua dan pembimbing ke arah proses itu, bersedia berkongsi tanggungjawab, barulah kejayaan sesuatu program perubahan di sekolah boleh berlaku.

Bagi menyediakan guru dalam melaksanakan perubahan ini di peringkat sekolah pula, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan satu program kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu yang dinamakan Kursus Dalam Perkhidmatan 14 Minggu Bestari (KDP 14M Bestari). Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan amalan profesionalisme guru sebagai pemudahcara dan pencetus inovasi agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kurikulum Bestari secara berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997)

1.2 Rasional Kajian

Peranan guru sebagai agen perubahan dalam sesuatu program inovasi memikul tanggungjawab yang berat. Menurut Robiah Sidin (1998), guru merupakan faktor yang penting kerana berkait rapat dengan faktor dalaman seperti strategi pengajaran dan pembelajaran, kurikulum dan amalan guru yang juga merupakan faktor yang dapat menggagalkan sesuatu perubahan dalam pendidikan. Dalam konteks sekolah Bestari, guru harus dapat menyesuaikan diri dengan peranan barunya sebagai fasilitator, pembimbing dalam akademik, penasihat sosial, pembuat keputusan dan pemimpin dalam segala perubahan yang berlaku dalam pendidikan. Sebagai pemimpin dan

agen perubahan dalam pendidikan, pengetahuan guru tentang teknologi maklumat mesti mencapai satu tahap yang sama atau melebihi pengetahuan umum serta mempunyai kemahiran menggunakan teknologi dalam menjalankan tugas harian mereka. Menurut Sharifah (2000), guru merupakan penyokong perubahan yang paling bermakna. Tanpa perubahan peribadi yang melibatkan cara berfikir dan bertindak, perubahan yang dirancang oleh organisasi yang lebih besar seperti Kementerian Pendidikan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Vermette, Orr dan Hall (1986), Johnston (1987), McCarthy (1990), dan Woodrow (1992) mendapati sokongan dan sikap guru dilihat sebagai faktor utama penentu keberkesanan pelaksanaan sesuatu program. Peranan guru penting dalam perubahan pendidikan ini kerana menurut mereka, guru adalah barisan terakhir, kunci terhadap seluruh program perubahan. Kita mesti mengambil tahu apa yang guru perlu demi menjayakan sesuatu program perubahan itu. Pencapaian objektif sesuatu program akan bergantung kepada guru sebagai pelaksana yang mempunyai kemahiran dan sikap yang positif (Kearsley, 1993).

Pendapat-pendapat di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya faktor guru sebagai agen pelaksana terhadap program sekolah Bestari yang akan dilaksanakan di semua sekolah dikaji. Antara faktor awal yang perlu dilihat ialah kefahaman dan kesediaan guru-guru Bestari yang telah diberi latihan untuk melaksanakan program sekolah Bestari.